

***AL-TARIKH SALASILAH NEGERI KEDAH: PERTIMBANGAN HISTORIOGRAFI
TERHADAP FAKTA DAN PERISTIWA TERPILIH DALAM SEJARAH KEDAH***

***AL-TARIKH SALASILAH NEGERI KEDAH: HISTORIOGRAPHICAL CONSIDERATION
ON SELECTED FACTS AND EVENTS IN THE HISTORY OF KEDAH***

A Rahman Tang Abdullah*

**Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah MALAYSIA**

***Corresponding Author: art@ums.edu.my**

Received: 3 April 2025; Accepted: 22 September 2025

Abstrak

Makalah ini bertujuan membentangkan hasil dapatan yang diperoleh daripada analisis terhadap pertimbangan historiografi ke atas fakta dan peristiwa terpilih sejarah Kedah melalui penggunaan *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* yang mewakili karya sastera Melayu tradisional dan merupakan sumber sejarah Negeri Kedah pada zaman pra-penjjajaan. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* merupakan karya yang penting kerana ia boleh digunakan sebagai sumber primer dan sekunder dalam penulisan sejarah. Ini kerana karya ini merupakan sumber pensejarahan Melayu yang mengandungi fakta peristiwa sezaman yang paling popular dalam sejarah Kedah sebelum abad ke-20. Kepentingan dalam kajian ini menunjukkan hasil penulisan dapat memenuhi ciri-ciri sebagai sumber sejarah dalam pensejarahan Melayu khususnya bagi negeri Kedah. Namun begitu, karya ini masih tertakluk kepada proses verifikasi atau proses menguji kesahihan fakta-fakta terpilih sebagaimana yang diguna pakai dalam penulisan sejarah konvensional. Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan kaedah menganalisis isi kandungan melalui proses verifikasi terhadap *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, yang merujuk kepada fakta-fakta dan peristiwa-peristiwa sejarah yang terpilih. Penulisan ini mengutarakan hujah bahawa kesahihan *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* sebagai sumber sejarah sangat bergantung kepada proses verifikasi yang dilakukan terhadapnya dalam penulisan sejarah pra-penjjajaan Kedah. Dapatan kajian menunjukkan dengan menggunakan proses verifikasi kesahihan fakta-fakta dan peristiwa penting dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* dapat menimbulkan persoalan kesahihan dalam penulisan sejarah.

Kata Kunci: *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Sejarah Kedah, Pensejarahan Kedah, Sastera Sejarah, Historiografi Melayu.

Abstract

This article aims to present the findings based on the analysis on selected facts and events by the utilization of Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah (the Kedah Chronicles) representing historical literature as a historical source of pre-colonial Kedah history. Basically, Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah is important because it can serve both as primary and secondary source in conventional historical writing. It can also serve as a Malay historiographical source that contain contemporaneous factual events in the history of Kedah before the 20th century. The significance of this research lies on the extent of Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah as a historical source in

Malay Historiography, especially for the history of Kedah. However, it is subjected to an extensive process of verification or validation on selected facts as utilised in the conventional historical writings. Hence, the writing of this article is based on the content analysis derived from the process of verification of Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah as a historical source in reference to selected historical facts and events. The main argument here is the reliability of Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah is highly dependent on the process of verification on it as a historical source in the writings of pre-colonial history of Kedah. This leads to the conclusion that in reference to Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah, there are certain facts that are subjected to discrepancies as a result of the process of verification.

Keywords: *The Kedah Chronicles, History of Kedah, Historiography of Kedah, Historical Literature, Malay Historiography.*

Pengenalan

Pada asasnya, semua karya penulisan Melayu tradisional yang ditulis dalam tulisan jawi dihasilkan sebagai karya sastera dari segi penyampaian bahasanya. Dari segi isi kandungannya, karya kesusasteraan ini merangkumi pelbagai aspek iaitu sastera epik (kepahlawanan atau keperwiraan), sastera ketatanegaraan, sastera sejarah, sastera undang-undang atau perundangan dan sastera kitab atau kitab agama. Kesemua jenis sastera ini dikategorikan sebagai sastera tulisan yang sebahagian besarnya berkembang dalam lingkungan komuniti istana

Dari perspektif sejarah pula, sastera sejarah dan sastera undang-undang atau sastera perundangan merupakan dua jenis karya sastera Melayu yang paling banyak mengandungi nilai kesejarahannya yang terletak kepada isi kandungannya yang mengandungi peristiwa, fakta dan fenomena sejarah dalam masyarakat Melayu yang berlandaskan kepada kewujudan sesebuah kerajaan. Ini merujuk kepada *Sulalatus-Salatin Sejarah Melayu* dan *Undang-Undang Melaka* bagi Kesultanan Melaka, *Tuhfat al-Nafis* dan *Undang-Undang Johor* (Empayar Johor-Riau-Lingga), *Misa Melayu* dan *Undang-Undang 99 Perak* (Negeri Perak) dan *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* (Al-Tarikh) dan *Undang-Undang Kedah* (Negeri Kedah). Namun begitu, kebanyakan penulisan yang menggunakan sumber pensejarahan Melayu masih tertumpu kepada sastera sejarah sebagai sumber primer dan dijadikan sumber utama.

Justeru, makalah ini bertujuan untuk memperkenalkan penggunaan sumber pensejarahan Melayu dalam penulisan sejarah kerajaan Negeri Kedah sebelum abad ke-20 dengan merujuk kepada fakta-fakta dan peristiwa-peristiwa terpilih. Perbincangan utama akan berkisar pada penggunaan *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* (Al-Tarikh) yang mewakili karya sastera sejarah sebagai sumber sejarah. Ia akan diteliti melalui proses verifikasi sebagai sumber sejarah berpandukan kepada kerangka penulisan sejarah konvensional. Ini kemudiannya akan dituruti dengan perbincangan berkenaan *Undang-Undang Kedah* yang mewakili sastera undang-undang sebagai pelengkap kepada *Al-Tarikh* sebagai sumber sejarah. Pemilihan kedua-dua karya ini ialah kerana kedua-duanya merupakan sumber pensejarahan Melayu sezaman yang merupakan sumber rasmi istana Kerajaan negeri Kedah dan mempunyai perkaitan dengan sejarah Kedah sebelum abad ke-20.

Untuk tujuan ini, makalah ini akan dimulakan dengan perbincangan tentang pensejarahan Melayu dan penulisan yang berkaitan dengan konsep pensejarahan Melayu dalam penulisan sejarah dan kaitannya dengan sejarah Kedah. Ia akan dituruti dengan perbincangan berkenaan penggunaan *Al-Tarikh* sebagai sumber pensejarahan Melayu dalam penulisan sejarahnya. Ia akan menjadikan *Al-Tarikh* sebagai teks utama dengan penulisan sejarah Negeri Kedah yang meliputi peristiwa dan tema penting yang terpilih.

Sorotan Literatur

Istilah pensejarahan Melayu atau historiografi Melayu sebenarnya merujuk kepada teks-teks Melayu tradisional yang mengandungi naratif yang boleh disifatkan sebagai fakta peristiwa sejarah dan lazimnya mengenai sesebuah kerajaan. Sebahagian besarnya dihasilkan dalam bentuk prosa seperti *Sulalatus-Salatin* atau *Sejarah Melayu*, *Tuhfat Al-Nafis*, *Hikayat Siak*, *Hikayat Patani*, *Al-Tarikh*, *Hikayat Johor* dan seumpamanya. Satu lagi jenis karya yang mengandungi unsur-unsur sejarah ini dihasilkan dalam bentuk syair seperti *Syair Perang Mengkasar* (Makasar), *Syair Sultan Maulana* (Kedah), *Syair Sultan Abu Bakar* (Johor dan Pahang) dan seumpamanya. Sehingga kini, hasil penulisan yang paling ekstensif berkenaan historiografi Melayu ini ialah penulisan Muhammad Yusoff Hashim. Secara keseluruhannya, penulisan ini membincangkan semua hasil karya sastera sejarah yang utama yang berbentuk prosa dan syair. Buku ini juga memperuntukkan dua bab tentang pensejarahan Melayu tradisional Kedah dan *Syair Sultan Maulana*. Selain itu, ia juga mengandungi satu bab yang membincangkan karya sastera undang-undang sebagai sumber sejarah Melaka.¹

Setakat ini, kajian terhadap karya sastera sejarah ini sebenarnya lebih tertumpu kepada penyelenggaraan teks yang ditransliterasikan ke tulisan rumi bersama anotasinya sebagaimana yang terdapat pada *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Undang-Undang Kedah* dan *Syair Sultan Maulana*. Ini membawa kepada penulisan sejarah berkenaan Kedah yang memperlihatkan penggunaan karya sastera sejarah dan sastera undang-undang sebagai sumber sejarah. Sarjana yang mula-mula menguna pakai sumber pensejarahan Melayu Kedah ini ialah R.O. Winstedt yang merujuk kepada *Undang-Undang Kedah*. Beliau juga telah mentransliterasi sebahagian daripada teks tersebut dan *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*.² Ini telah disusuli oleh penulis-penulis terkemudian yang mengguna pakai *Al-Tarikh* dan *Undang-Undang Kedah* sebagai sumber dalam penulisan sejarah Kedah.

Ini membawa kepada terhasilnya penulisan-penulisan sejarah Kedah yang lebih tertumpu kepada *Al-Tarikh* berbanding dengan *Undang-Undang Kedah*. Itupun dalam kes *Al-Tarikh*, penggunaannya masih terhad. Hal ini dapat dikesan dalam penulisan Jelani Harun yang hanya bertujuan memperkenalkannya sebagai karya sejarah.³ Penulisan yang mengguna pakai *Al-Tarikh* sebagai sumber sejarah secara lebih ekstensif dapat dilihat dalam penulisan Nor Atiqah (2022). Beliau telah mengemukakan analisis perbandingan terhadap *Al-Tarikh* dengan *Hikayat Merong Mahawangsa* yang merujuk kepada dua peristiwa iaitu sejarah permulaan tradisi penghantaran bunga emas dan kedatangan Islam ke Kedah. Beliau membuat kesimpulan bahawa *Al-Tarikh* merupakan karya yang boleh dipertanggungjawabkan kebenarannya berbanding dengan *Hikayat Merong Mahawangsa*.⁴

Metodologi

Metodologi yang diguna dalam kajian ini ialah analisis yang bersifat kualitatif. Kaedah ini diaplikasikan kepada perbincangan yang merupakan penerangan dan pentafsiran yang bersandarkan kepada fakta yang terdapat dalam *Al-Tarikh* yang menjadi sumber prima bagi kajian ini. Analisis teks juga dilakukan melalui proses verifikasi terhadap *Al-Tarikh* dengan mengambil kira perkaitannya dengan fakta-fakta yang diperoleh dari sumber sejarah yang berkaitan. Verifikasi merupakan satu proses kritikan sumber yang membawa kepada tindakan menguji terhadap sesuatu fakta yang bersangkutan dengan sesuatu peristiwa dan fenomena dalam sejarah bagi menentukan kesahihan fakta tersebut. Kaedah yang lazimnya digunakan untuk verifikasi ialah perbandingan rujukan silang dengan sumber lain seboleh-bolehnya dengan sumber primer. Sumber sekunder boleh dijadikan rujukan silang kepada verifikasi fakta sekiranya penulisannya juga menggunakan sumber primer yang ekstensif yang mempunyai perkaitan dengan sesuatu fakta peristiwa. Ini dapat membantu pengkaji memahami sesuatu situasi yang boleh dikaitkan dengan fakta tersebut dan merekonstruksi kesahihan fakta dengan penemuan kebenaran fakta yang dikaji.⁵ Proses verifikasi perlu supaya ia dapat menghasilkan kebenaran pentafsiran dan sejarawan dapat membezakan apa yang telah terjadi dalam sejarah dengan pembentangannya dalam sesebuah penulisan sejarah.⁶

Dalam hal ini, penggunaan karya sastera sejarah Melayu sebagai sumber sejarah sebenarnya sangat terbatas. Kekurangan utama yang dapat dikesan dalam karya sastera sejarah ialah isu pentarikan. Boleh dikatakan sebahagian besar fakta peristiwa yang terdapat dalam sumber pensejarahan Melayu tidak mengandungi tarikh kejadian. Jika ada sekalipun, ia sangat menimbulkan keraguan dan tidak boleh diambil sebagai fakta secara terus langsung. Hal ini masih juga dapat diperhatikan dalam karya sastera sejarah yang mutakhir seperti *Al-Tarikh* yang ditulis pada tahun 1927. Ia hanya mempunyai aspek pentarikan yang boleh diterima pakai pada peristiwa-peristiwa yang hampir kepada abad ke 19 dan awal abad ke 20. Sebaliknya, peristiwa-peristiwa pada zaman awal sehingga abad ke-17 mengandungi aspek pentarikan yang boleh dipersoalkan kerana tiada terdapat sumber sezaman atau lain yang boleh dilakukan verifikasi atau proses pengesahan kebenaran fakta dan peristiwa. Tambahan pula, terdapat satu kekurangan yang asas pada *Al-Tarikh* kerana ia tidak memaparkan sumber rujukan terutama sekali dalam bentuk nota yang menunjukkan rujukan fakta dan peristiwa walaupun ia telah memperlihatkan ciri-ciri penulisan sejarah yang konvensional.

Oleh yang demikian, penggunaannya sebagai sumber sejarah dalam penulisan sejarah yang konvensional mesti melalui proses verifikasi yang kompleks. Proses verifikasi ini adalah bertujuan untuk memeriksa dan meneliti fakta yang dijadikan dasar hujah dalam tafsiran yang dikemukakan dalam penulisan sejarah. Malahan, tidak dapat dinafikan, proses verifikasi ini sebenarnya merupakan elemen yang paling asas dalam kaedah penyelidikan sejarah. Dalam hal ini, proses verifikasi lebih tertumpu kepada *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Analisis teks ini juga akan bersandarkan kepada verifikasi fakta yang dihubungkan dengan sumber sekunder bagi tujuan menghasilkan pentafsiran sejarah. Perkara ini juga akan diperlihatkan dalam perbincangan tentang fakta peristiwa yang melibatkan aspek pentarikan dalam perbincangan selanjutnya.

Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah dan Penulisan Sejarah Negeri Kedah

Sebagai sebuah entiti politik, Negeri Kedah secara tradisinya telah lama wujud sebagai sebuah negeri yang berasaskan sistem pemerintahan kerajaan. Dalam perkataan lain, kerajaan bermaksud negeri yang mempunyai raja. Ia merupakan negeri yang paling awal wujud di Tanah Melayu. Ini adalah berdasarkan kepada fakta sejarah yang menunjukkan bahawa kesultanan Kedah merupakan dinasti kerajaan yang tertua wujud di Tanah Melayu dan masih berterusan sehingga Malaysia masa kini. Hal ini berbeza dengan kewujudan dinasti-dinasti kerajaan lain di Tanah Melayu yang hanya muncul terkemudian daripada kesultanan Kedah. Kesemua dinasti kerajaan di Malaysia yang masih wujud pada masa kini sebenarnya hanya muncul selepas abad ke-16 hingga akhir abad ke-19. Ia merujuk kepada Kesultanan Perak yang diasaskan pada 1528 dan dituruti dengan pengasasan empat kesultanan iaitu Terengganu, Kelantan, Selangor dan Negeri Sembilan pada abad ke-18. Ini kemudiannya disusuli dengan pengasasan Kerajaan Perlis, Kesultanan Pahang dan Kesultanan Johor moden pada abad ke-19.⁷ Malahan, Kesultanan Melaka yang wujud pada abad ke-15 dan awal abad ke-16 yang kemudiannya diteruskan dengan dinasti keturunan Kesultanan Melaka di Johor-Riau-Lingga ini telah berakhir pada tahun 1699.⁸

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Kedah sememangnya merupakan kerajaan yang tertua di Tanah Melayu. Berpandukan kepada sumber rasmi Pejabat Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah yang terkini, Negeri Kedah Darul-Aman telah diperintah oleh 29 orang sultan semenjak tahun 1136 hingga zaman pemerintahan Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah. Kesemua nama sultan-sultan Kedah dan tempoh pemerintahan baginda sekalian adalah seperti berikut:

Bil	Nama Sultan	Tahun Pemerintahan
1	Sultan Mudzaffar Syah I	531-575H (1136-1179M) ⁹
2	Sultan Mu'adzam Syah Ibni Almarhum Sultan Mudzaffar Syah	575-598H (1179-1201M)
3	Sultan Muhammad Syah I Ibni Almarhum Sultan Mu'adzam Syah	598-643H (1201-1236M)
4	Sultan Muzzil Syah Ibni Almarhum Sultan Muhammad Syah I	643-679H (1236-1280M)
5	Sultan Mahmud Syah I Ibni Almarhum Sultan Muzzil Syah	679-721H (1280-1321M)
6	Sultan Ibrahim Syah Ibni Almarhum Sultan Mahmud Syah I	721-775H (1321-1373M)
7	Sultan Sulaiman Syah I Ibni Almarhum Sultan Ibrahim Syah	775-826H (1373-1422M)
8	Sultan Ataulah Muhammad Syah I Ibni Almarhum Sultan Sulaiman Syah I	826-877H (1422-1472M)
9	Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muadzam Syah I Ibni Almarhum Sultan Ataulah Muhammad Syah I	877-912H (1472-1506M)
10	Sultan Mahmud Syah II Ibni Almarhum Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muadzam Syah	912-953H (1506-1546M)

11	Sultan Mudzaffar Syah II Ibni Almarhum Sultan Mahmud Syah II	953-1011H (1546-1602M)
12	Sultan Sulaiman Syah II Ibni Almarhum Sultan Mudzaffar Syah II	1011-1035H (1602-1625M)
13	Sultan Rijaluddin Muhammad Syah Ibni Almarhum Sultan Sulaiman Syah II	1035-1062H (1625-1651M)
14	Sultan Muhyiddin Mansur Syah Ibni Almarhum Sultan Rijaluddin Muhammad Syah	1062-1072H (1651-1661M)
15	Sultan Dziauddin Mukkaram Syah I Ibni Almarhum Sultan Muhyiddin Mansur Syah	1072-1099H (1661-1687M)
16	Sultan Ataullah Muhammad Syah II Ibni Almarhum Sultan Dziauddin Mukkaram Syah I	1099-1110H (1687-1698M)
17	Sultan Abdullah Mu'adzam Syah Ibni Almarhum Sultan Ataullah Muhammad Syah II	1110-1118H (1698-1706M)
18	Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah I Ibni Almarhum Sultan Abdullah Mu'adzam Syah	1118-1121H (1706-1709M)
19	Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muadzam Syah II Ibni Almarhum Sultan Abdullah Mu'adzam Syah	1122-1174H (1710-1778M)
20	Sultan Abdullah Mukarram Syah Ibni Almarhum Sultan Muhammad Jiwa Azinal Adilin Muadzam Syah II	1174-1212H (1778-1797M)
21	Sultan Dziauddin Mukarram Syah II Ibni Almarhum Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin II	1212-1219H/1797-1804M
22	Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II Ibni Almarhum Sultan Abdullah Mukarram Syah	1219-1259H (1804-1843M)
23	Sultan Zainal Rashid Mu'adzam Syah I Ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II	1259-1270H (1843-1854M)
24	Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah Ibni Almarhum Sultan Zainal Rashid Mu'adzam Syah I	1270-1297H (1854-1879M)
25	Sultan Zainal Rashid Mu'adzam Syah II Ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah	1297-1299H (1879-1881M)
26	Sultan Abdul Hamid Halim Syah Ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah	1299-1362H (1881-1943M)
27	Sultan Badlishah Ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Syah	1362-1377H (1943-1958M)
28	Sultan Abdul Halim Mu'adzam Syah Ibni Almarhum Sultan Badlishah	1377-1438H (1958-2017M) ¹⁰
29	Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah	1438H-- (2017M--).

Sumber: Disesuaikan daripada *Kerajaan Negeri Kedah - Sejarah dan Salasilah Duli-duli Yang Maha Mulia*, Pejabat KDYMM Tuanku Sultan Kedah

Berdasarkan kepada senarai di atas, kesemua butiran tentang nama dan tahun pemerintahan sultan-sultan Kedah sehingga Sultan Kedah yang ke-26 sebenarnya telah diadaptasi daripada *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* yang merupakan hasil karya sastera sejarah yang ditulis oleh seorang pembesar Negeri Kedah bernama Dato' Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Mohd. Arshad yang telah disempurnakan pada 1 haribulan Rejab 1345H bersamaan 5 haribulan Januari 1927.¹¹ Ia

mengandungi penceritaan dan kronologi yang memaparkan peristiwa sejarah Negeri Kedah dari peringkat awal sehingga tahun 1926. Jelas dikenal pasti bahawa semua nama dan zaman pemerintahan Sultan Kedah yang pertama sehingga ke-26 adalah hampir sama dengan catatan yang terdapat dalam *Al-Tarikh*. Namun, terdapat empat fakta yang perlu diberi perhatian sebagaimana yang dibincangkan seterusnya seperti berikut:

Pertama, menurut catatan *Al-Tarikh*, tahun 531H/1136M, merupakan permulaan raja Kedah memakai gelaran Sultan apabila Maharaja Derbar Raja II mula memakai gelaran Sultan Mudzaffar Syah (yang pertama) setelah baginda memeluk agama Islam. Peristiwa ini mungkin berlaku dalam tempoh suku pertama tahun 531H memandangkan tarikh 1 haribulan Muharram 531H jatuh pada tanggal 29 September 1136. Ini seterusnya dituruti dengan keturunan baginda sehinggalah kepada Sultan Abdul Hamid Halim Syah yang mula menjadi Sultan Negeri Kedah yang ke-26 pada tahun 1299H/1881M. Menurut catatan ini, Maharaja Derbar Raja II yang memakai gelaran Sultan Mudzaffar I sebenarnya adalah raja yang ke-9 dengan dinyatakan lapan nama-nama raja yang memerintah Kedah sebelum zaman pemerintahan baginda.¹² Sekiranya sumber sejarah Negeri Kedah ini boleh dipertanggungjawabkan, ia juga bermakna Kerajaan Negeri Kedah sebenarnya telah lama wujud lapan lapis keturunan sebelum tahun 531H/1136M lagi. Walau bagaimanapun, *Al-Tarikh* tidak memberi butiran tentang tarikh dan tempoh pemerintahan lapan raja Kedah sebelum itu. Malahan, Sultan Mudzaffar Syah I sendiri sebenarnya hanya dikaitkan dengan tarikh 531H/1136M setelah baginda memeluk Islam. Sedangkan nama baginda sebelum itu ialah Maharaja Derbar Raja II dan tarikh baginda mula menjadi raja juga tidak dinyatakan.

Kedua, adalah didapati juga, terdapat jurang pemerintahan antara Sultan Kedah ke-18 dan ke-19. Menurut *Al-Tarikh*, setelah kemangkatan Sultan Abdullah Mu'adzam Syah, Sultan Kedah yang ke-18, anak kedua baginda telah ditabalkan sebagai Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah I (1118-1121H/1706-1709M). Masa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah I pula singkat kerana baginda telah jatuh gering dan mangkat dengan tidak meninggalkan anak. Oleh itu, setelah kemangkatan baginda, Raja Bendahara telah diangkat menjadi pemangku Sultan negeri Kedah (1121-1122H/1709-1710M). Tindakan ini adalah kerana pada ketika itu, Tengku Muhammad Jiwa yang merupakan abang kepada Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah, masih hidup tetapi tidak berada di dalam negeri Kedah. Sebenarnya, Tengku Muhammad Jiwa telah pun meninggalkan Kedah untuk menuntut ilmu agama di Palembang dan India semenjak ayah baginda, Al-Marhum Sultan Abdullah Mu'adzam Syah masih hidup. Tengku Muhammad Jiwa telah meninggalkan Kedah selama enam tahun tanpa perkhabaran darinya. Maka secara muafakat, adalah diputuskan agar Dato' Kema Jaya mencari berita di sebelah Sumatra dan Jawa, dan Dato' Seri Indera Mambang Senggara Shahbandar disebelah Burma dan India. Akhirnya, Dato' Seri Indera Mambang Senggara telah berjaya menemui Tengku Muhammad Jiwa yang kemudiannya ditabalkan sebagai Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muadzam Syah II (1122-1174H/1710-1778M).¹³

Ketiga, jika diteliti senarai rasmi istana Negeri Kedah ini, persoalan yang timbul merujuk kepada Sultan Kedah yang ke-21 dan ke-22. Sebenarnya, sehingga pemerintahan Sultan Abdul Halim Muazzam Syah yang mangkat pada tahun 2017, catatan dalam senarai nama-nama sultan Kedah tidak mengandungi nama Sultan Dziauddin Mukarram Syah (1797-1804M) sebagaimana yang dapat dikesan dalam portal rasmi Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah.¹⁴



Selamat Datang ke laman web Raja Kita



Sistem Monarki Negeri Kedah

Knasa Diraja

Perantaraan Sultan Kedah

Salasilah Duli-Duli Yang Maha Mulia

Atas Kebesaran Diraja

Adat Istiadat Diraja

Darjah Pengurniaan Negeri

Laman Utama

Salasilah Duli-Duli Yang Maha Mulia
Sultan Kedah Darul Aman semenjak tahun 1136M

Negeri Kedah Darul Aman adalah sebuah negeri yang tertua di Malaysia dan juga di Nusantara. Sistem Beraja Negeri Kedah Darul Aman bermula 1200 tahun dahulu dengan tertubuhnya Kerajaan Hindu Buddha. Raja yang pertama disebut sebagai Merong Maha Wangsa. Zaman pengaruh Hindu Buddha ini berakhir pada abad ke-12 dengan kedatangan Islam pada tahun 1136 Masihi dan Keturunan Kesultanan ini telah tidak terputus sehingga ke hari ini dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Haji Abdul Halim Mu'adzam Shah sekarang adalah Sultan yang ke-27 yang memerintah negeri ini.

Salasilah Kesultanan Negeri Kedah Darul Aman sejak daripada tahun 1136 Masihi adalah seperti berikut:



🖼️ **KLIK UNTUK MELIHAT GAMBAR**

1. Sultan Mudzafar Shah I	1136 - 1179
2. Sultan Mu'adzam Shah	1179 - 1201
3. Sultan Muhammad Shah	1201 - 1236
4. Sultan Mudzaffar Shah II	1236 - 1280
5. Sultan Mahmud Shah I	1280 - 1321
6. Sultan Ibrahim Shah	1321 - 1373
7. Sultan Sulaiman Shah	1373 - 1422
8. Sultan Ataulah Muhammad Shah I	1422 - 1472
9. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin I	1472 - 1506
10. Sultan Mahmud Shah II	1506 - 1546
11. Sultan Mudzaffar Shah III	1546 - 1602
12. Sultan Sulaiman Shah II	1602 - 1625
13. Sultan Rijaluddin Muhammad Shah	1625 - 1651
14. Sultan Muhyiddin Mansur Shah	1651 - 1661
15. Sultan Dziauddin Mukarram Shah	1661 - 1687
16. Sultan Ataulah Muhammad Shah II	1687 - 1698
17. Sultan Abdullah Al-Mu'adzam Shah	1698 - 1706
18. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah I	1706 - 1709
19. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin II	1710 - 1778
20. Sultan Abdullah Mukarram Shah	1778 - 1797
21. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II	1797 - 1843 
22. Sultan Zainal Rashid Al-Mu'adzam Shah I	1843 - 1854
23. Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah	1854 - 1879
24. Sultan Zainal Rashid Mu'adzam Shah II	1879 - 1881
25. Sultan Abdul Hamid Halim Shah	1881 - 1943 
26. Sultan Badlishah	1943 - 1958 
27. Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah	1958 - 

Sumber: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah. 2003

https://web.archive.org/web/20140902082124/http://www.mykedah2.com/raja_kita/bm/040000.htm

Berpanduan kepada senarai tersebut, terdapat persoalan mengapa zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II dicatatkan bermula pada tahun 1212H/1797M. Ini kerana *Al-Tarikh* mencatatkan bahawa Sultan Dziauddin Mukarram Syah II Ibni Almarhum Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin II telah diangkat menjadi Sultan Kedah sebagai pengganti sementara kepada putera Al-Marhum Sultan Abdullah yang masih kecil, Tengku Ahmad Tajuddin. Sultan Dziauddin Mukarram Syah telah memerintah selama 7 tahun (1212-1219H/1797-1804M) sebelum baginda menyerahkan takhta Kerajaan Negeri Kedah kepada Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II pada tahun 1219H/1804M. Pertabalan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II ini dicatatkan sebagai menggantikan Al-marhum Sultan Abdullah dan Sultan Dziauddin selepas itu hanya dirujuk sebagai Tengku Dziauddin.¹⁵ Namun, catatan di dalam *Al-Tarikh* menyatakan bahawa Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II ditabalkan menjadi Sultan Kedah yang ke-21 bagi

menggantikan Sultan Abdullah Mukarram Syah Ibni Almarhum Sultan Muhammad Jiwa Azinal Adilin Muadzam Syah II, Sultan Kedah yang ke-20, dan bukannya menggantikan Sultan Dziauddin Mukarram Syah. Oleh itu, jelas dilihat bahawa walaupun *Al-Tarikh* digunapakai sebagai sumber sejarah, penelitian kepada peristiwa yang dicatatkan perlu melalui proses verifikasi untuk mendapat kesahihan sejarah sebenar negeri Kedah.

Oleh yang demikian, ini juga bermakna pihak istana Negeri Kedah sebelum ini pernah membuat tafsiran berdasarkan kepada kenyataan dalam *Al-Tarikh*, di mana Tengku Dziauddin Mukarram Syah tidak diiktiraf sebagai Sultan Kedah yang ke-21. Ini kerana perlantikan baginda hanya bersifat pengganti sementara dan majlis pertabalan baginda itu tidak dinyatakan sama ada berlaku atau tidak dalam *Al-Tarikh*. Ini berbeza dengan catatan peristiwa pertabalan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II kemudiannya pada tahun 1219H/1804M yang menggambarkan bahawa majlis pertabalan telah diadakan untuk menyerahkan takhta kepada baginda sebagai pengganti kepada Sultan Abdullah Mukarram Syah ibni AlMarhum Sultan Muhammad Jiwa Azinal Adilin Muadzam Syah II pada ketika itu. Selepas turun takhta, *Al-Tarikh* memberikan gambaran tentang hubungan baik di antara Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II dengan Tengku Dziauddin sehinggalah Tengku Dziauddin kemudiannya telah mangkat pada 13 haribulan Safar 1230H/24 Januari 1815.¹⁶

Namun begitu, berdasarkan kepada tradisi Kesultanan Melayu, Sultan Dziauddin Mukarram Syah semestinya boleh disenaraikan sebagai Sultan Kedah yang ke-21. Ini kerana sebenarnya penyerahan takhta oleh Sultan Dziauddin Mukarram Syah kepada Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II ini berlaku berpunca daripada krisis penggantian raja pada ketika itu.¹⁷ Pada asasnya, berdasarkan kepada tradisi pemerintahan Kerajaan Melayu, seseorang sultan mestilah melalui upacara pertabalan sultan mengikut adat istiadat Melayu.¹⁸ Ini bermakna pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah sebenarnya hanya bermula pada tahun 1219H/1804M kerana baginda hanya ditabalkan sebagai sultan pada tahun tersebut apabila berlaku penyerahan takhta. Walaupun penceritaan di dalam *Al-Tarikh* membawa kepada maksud Sultan Dziauddin Mukarram Syah mungkin tidak ditabalkan mengikut adat istiadat pertabalan, reliti sejarahnya baginda adalah pemerintah yang diangkat untuk menerajui kerajaan Kedah dan telah menjalankan tugas baginda dengan menggunakan gelaran sultan. Perkara ini tidak boleh disangkal kerana dalam perjanjian penyerahan Province Wellesley kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris pada tahun 1800, sultan yang mendatangi perjanjian itu ialah Sultan Dziauddin Mukarram Syah. Perjanjian ini telah membawa kepada satu legasi yang dapat dikesan sehingga ke hari ini, iaitu pembayaran pajakan sebanyak 10,000 Ringgit setiap tahun oleh Pulau Pinang kepada Negeri Kedah.¹⁹ Ini dengan jelas menunjukkan baginda diiktiraf sebagai Sultan Kedah dengan kuasa memerintah yang diturunkan kepada baginda. Oleh itu, dengan penggunaan gelaran sultan, adalah wajar untuk baginda disenaraikan sebagai salah seorang sultan yang memerintah negeri Kedah. Apa yang berlaku pada tahun 1804 ialah baginda sebenarnya telah turun takhta dan menyerahkan kepada Sultan Ahmad Tajudddin Halim Syah II. Oleh yang demikian Sultan Dziauddin Mukarram Syah telah disenaraikan sebagai Sultan Kedah yang ke-21 setelah Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah menaiki takhta pada tahun 2017 sebagaimana yang tertera dalam senarai nama-nama Sultan Kedah yang terkini.

Keempat, satu lagi perkara yang boleh diperhatikan ialah *Al-Tarikh* juga menyatakan bahawa raja pertama dinasti Kerajaan Negeri Kedah ini ialah Maharaja Derbar Raja I.

Berpandukan kepada catatan dalam *Al-Tarikh*, tarikh yang paling hampir dengan zaman ini merujuk kepada sesudah zahir Nabi Muhammad (S.A.W.) dan tidak beberapa lama selepas itu, Maharaja Derbar Raja I telah tiba ke Kedah.²⁰ Pada dasarnya, tarikh yang dikaitkan dengan ‘zahirnya’ Nabi Muhammad (S.A.W.) tidak mungkin merujuk kepada tahun lahir Nabi Muhammad, iaitu 571M atau tahun Nabi Muhammad mula menerima wahyu pertama ketika berumur 40 tahun, iaitu 610/611M. Ini adalah kerana kiraan tahun yang berasas kepada sebelum tahun Hijrah belum bermula. Maka, berdasarkan kepada catatan *Al-Tarikh* ini, boleh diandaikan bahawa tarikh yang diberikan itu menunjukkan peristiwa ini berlaku pada abad ke-7 Masihi, iaitu lebih kurang 500 tahun sebelum 1136M. Dari segi konsepnya, jika catatan fakta ini diterima, ia menandakan permulaan wujudnya Kedah sebagai sebuah kerajaan, iaitu negeri yang mempunyai raja.²¹

Walau bagaimanapun, sekiranya catatan *Al-Tarikh* ini menimbulkan persoalan dan keraguan sekalipun, ia tetap menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Kedah telah wujud semasa zaman kegemilangan Kesultanan Melaka pada pertengahan kedua abad ke-15. Ini merujuk kepada sumber Melaka dan Aceh yang menyebut tentang pengislaman Raja Kedah pada tahun 1474M.²² Ini bermakna Kerajaan Negeri Kedah telah pun wujud sebelum tahun tersebut dan Raja Kedah yang pertama memeluk Islam itu bukanlah raja yang pertama bagi negeri tersebut. Malahan, berpandukan kepada peristiwa permulaan penghantaran bunga emas oleh Kerajaan Kedah kepada Siam, ia menunjukkan Kerajaan Kedah telah pun wujud sebelum kewujudan Kerajaan Melaka. Oleh yang demikian, ia tetap meletakkan dinasti Kesultanan Kedah dan Kerajaan Negeri Kedah sebagai kerajaan tertua yang masih wujud sehingga ke hari ini.

Pembukaan Kota Langkasuka

Sebenarnya sebelum zaman pemerintahan dinasti raja-raja Kedah yang dinaratifkan dalam *Al-Tarikh*, peradaban di Negeri Kedah telah wujud yang dirujuk sebagai Kedah Tua yang berpusat di Kuala Merbok dan Lembah Bujang sejak awal kurun pertama Masihi lagi. Ia telah menjadi pusat persinggahan dan penempatan oleh para pedagang India pada ketika itu. Mereka juga telah menyebarkan Agama Hindu dan Buddha yang membawa kepada kewujudan peradaban di Lembah Bujang.²³ Hal ini dapat disaksikan dengan penemuan pelbagai artifak dan tinggalan binaan candi di Lembah Bujang yang masih boleh dikesan sehingga ke hari ini.²⁴ Selain itu, zaman Kedah tua ini juga dikaitkan dengan kewujudan Langkasuka.

Dalam hal ini, catatan dalam *Al-Tarikh* telah menghubungkaitkan Kerajaan Negeri Kedah dengan pembinaan Kota Langkasuka sebagai pusat kerajaan yang diasaskan oleh Maharaja Derbar Raja I, iaitu raja pertama dinasti raja-raja Kedah. Berdasarkan sumber ini, nama Langkasuka itu diberi oleh Maharaja Derbar Raja I setelah selesai pembinaan kota istana di situ. Walaupun *Al-Tarikh* tidak mencatatkan tarikh pembukaan Kota Langkasuka itu, peristiwa ini dikatakan berlaku selepas ketibaan baginda ke Kedah. Sebagaimana yang disebut sebelum ini, pentarikan yang paling hampir yang digunakan oleh *Al-Tarikh* bagi peristiwa ini ialah tidak berapa lama selepas zahirnya Nabi Muhammad (S.A.W.).²⁵ Maka, boleh diandaikan bahawa sekiranya anggaran tarikh yang dimaksudkan sebagai zahir Nabi Muhammad (S.A.W.) itu sebenarnya merujuk kepada permulaan tahun hijrah, iaitu pada tahun 622 Masihi. Ini bermakna tarikh peristiwa kedatangan

Maharaja Derbar Raja I ke Kedah mestilah selepas permulaan hijrah apabila Agama Islam telah berkembang ke luar Tanah Arab pada abad ke-7 Masihi.

Namun begitu, mengikut catatan sejarah yang diketahui umum dengan merujuk kepada sumber arkaeologi dan sumber catatan pedagang China, ternyata Langkasuka sebenarnya telah wujud semenjak abad ke-3 Masihi lagi dan telah mempunyai rajanya sebelum kedatangan Maharaja Derbar Raja I ke Kedah.²⁶ Fakta ini menunjukkan percanggahan dengan peristiwa pembinaan Kota Langkasuka yang mula-mula dijadikan sebagai tempat bersemayam Maharaja Derbar Raja I di Kedah sebagaimana yang dicatatkan dalam *Al-Tarikh*. Ini menunjukkan bahawa catatan ini boleh dipersoalkan kesahihannya.

Selain itu, perkara ini juga mempunyai perkaitan dengan fakta apakah nama raja Kedah pertama semasa peristiwa pembukaan Langkasuka. Sebagaimana yang tercatat dalam karya berjudul *Salasilah atau Tarikh Kerajaan Kedah* yang dihasilkan oleh Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib bin Temenggung Wan Musa Asy-Syahid bin Temenggung Seri Raja Putra, Raja Kedah yang pertama ialah Merong Mahawangsa dan peristiwa ketibaan baginda ke Kedah berlaku pada tahun 48H. atau 630M.²⁷ Namun begitu, terdapat dua kekeliruan di sini yang boleh dikesan. Pertama, tahun 48H ini sebenarnya bersamaan dengan tahun 668M. Kedua, penulisnya telah terkhilaf tentang kesepadanan tahun hijrah yang sebenarnya bermula pada tahun 622 Masihi. Ini kerana penulisnya menyatakan bahawa tahun 38H bersamaan 620M dan tahun 48H bersamaan 630M.

Kedatangan Islam ke Kedah

Selanjutnya, peradaban Kedah Tua yang dikaitkan dengan pengaruh Hindu-Buddha di Kedah ini telah berterusan sehinggalah kepada zaman kedatangan Islam ke negeri itu. Berdasarkan kepada catatan *Al-Tarikh*, peristiwa kedatangan Islam ini berlaku pada tahun 531 Hijrah bersamaan 1136 Masihi. Sebagaimana yang telah disebut sebelum ini, pada ketika itu, Raja Kedah ialah Maharaja Derbar Raja II yang kemudiannya telah menukar nama kepada Sultan Mudzaffar Syah I. Baginda telah diIslamkan oleh Tuan Shaikh Abdullah bin Tuan Shaikh Ahmad bin Tuan Shaikh Ja'afar Qaumiri, seorang alim ulama' dan pendakwah yang datang dari Yaman.²⁸ Namun begitu, catatan *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Aceh* memberikan maklumat bahawa Raja Kedah yang pertama memeluk Islam ialah pada tahun 1474 Masihi.²⁹ Kenyataan yang bercanggah ini menunjukkan terdapat perbezaan 338 tahun Masihi atau 348 tahun Hijrah tentang tarikh Raja Kedah yang pertama memeluk Agama Islam.

Sekiranya tarikh 1474 itu dipadankan dengan pentarikan dalam *Al-Tarikh*, ia merujuk kepada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muadzam Syah I (1472-1506) yang sudahpun beragama Islam selepas sembilan lapis keturunan. Persoalan di sini adalah bagaimana untuk mencari penyelesaian tentang tarikh raja Kedah yang pertama memeluk Islam. Dalam keadaan ini, ia boleh dilakukan melalui analisis intra-tekstual terhadap *Al-Tarikh* terlebih dahulu. Jika diteliti catatannya, dapat dikesan bahawa pengislaman Raja Kedah yang pertama berlaku selepas peristiwa penghantaran bunga emas dan perak kepada Raja Ligor bagi pihak Maharaja Siam. Dicatatkan bahawa peristiwa permulaan tradisi penghantaran bunga emas ini berlaku pada zaman pemerintahan Maharaja Maha Jiwa, iaitu datuk kepada Maharaja Derbar Raja

II.³⁰ Justeru, catatan ini menunjukkan jarak tempoh bagi kedua-dua peristiwa ini adalah meliputi tiga lapis keturunan pemerintahan. Ini bermakna pengislaman ini berlaku agak lama setelah Siam telah berjaya meluaskan kekuasaannya ke atas Kedah.

Dari sinilah proses verifikasi perlu dilakukan dengan memadankan bila bermulanya penguasaan Siam ke atas Kedah. Walaupun sukar untuk mengetahui dengan tepat tentang perkara ini, dapat dipastikan bahawa perluasan kuasa Siam ke atas bahagian utara Tanah Melayu secara keseluruhannya berlaku pada masa kewujudan Kerajaan Ayudhya (1351-1767M).³¹ Ini bermakna pengislaman Raja Kedah tidak mungkin berlaku sebelum tahun 1351M. Oleh yang demikian, sumber yang menunjukkan pengislaman Raja Kedah berlaku pada tahun 1474M adalah lebih realistik untuk diterima. Malahan, terdapat pendapat sejarawan yang menerima pakai fakta yang diambil daripada *Hikayat Merong Mahawangsa* yang menyatakan Raja Kedah yang pertama memeluk Islam ialah Phra Ong Mahawangsa pada tahun 1474M dan baginda memakai gelaran Sultan Muzafar Syah.³² Ini bermakna pengislaman Raja Kedah bukan berlaku pada tahun 531H/1136M sebagaimana yang tercatat dalam *Al-Tarikh*.

Namun begitu, hal ini bertambah mengelirukan sekiranya fakta yang terdapat dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* itu diguna pakai bagi menerangkan pengislaman Raja Kedah itu. Penceritaan di dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* tidak mengandungi tarikh pengislaman raja Kedah. Namun begitu, ia mengandungi cerita bahawa Sultan Aceh telah menghantar dua buah kitab iaitu *Siratul-Mustaqim* dan *Kitabul-Nikah* karangan Syeikh Nuruddin al-Raniri ke istana Kedah bagi meraikan pengislaman Raja Kedah itu.³³ Namun apa yang menjadi persoalan di sini ialah kedua-dua kitab itu hanya dihasilkan pada tahun 1636M. Sekiranya tahun 1474M diterima sebagai tahun pengislaman Raja Kedah yang pertama, ia menunjukkan perbezaan 172 tahun selepas 1474M. Sebaliknya jika tarikh 1136M diguna pakai, ini menunjukkan perbezaan lebih kurang 500 tahun Masihi atau 515 tahun Hijrah sebelum 1636M.

Sementara itu, terdapat satu lagi fakta berlainan sebagaimana yang terdapat dalam *Salasilah atau Tarikh Kerajaan Kedah* berbanding *Al-Tarikh*. Di dalam catatan tersebut, ia menceritakan bahawa pada tahun 818H, seorang alim ulama' dari Yaman bernama Syeikh Abdullah telah datang ke Kedah. Pada masa itu, Kedah sedang diperintah oleh Sultan Muhammad Syah. Ia juga menyatakan bahawa Syeikh Abdullah adalah anak murid kepada Ibnu Batuta, seorang pelayar Islam yang telah datang ke kawasan ini sebelum itu. Ia mencatatkan lagi bahawa Syeikh Abdullah merupakan orang pertama yang mengajar dan menyebarkan agama Islam di Negeri Kedah.³⁴

Sekiranya tahun 818H ini diterima, ia sebenarnya bersamaan dengan tahun 1415M hingga awal bulan Mac 1416M. Apa yang menarik di sini merujuk kepada Sultan Kedah yang dikaitkan dengan kedatangan Syeikh Abdullah ke Kedah ialah Sultan Muhammad Syah, bukannya Sultan Mudzafar Syah I. Hal yang sama juga terdapat di dalam satu lagi versi salasilah Sultan Kedah sebagaimana yang tercatat di halaman terakhir dalam manuskrip *Undang-Undang Kedah* versi Ku Din bin Ku Meh yang juga menyenaraikan Sultan Muhammad Syah sebagai Sultan Kedah yang pertama.³⁵ Jika fakta nama Sultan Kedah ini diterima, ia menunjukkan percanggahan dengan fakta yang terdapat di dalam *Al-Tarikh* dan *Hikayat Merong Mahawangsa*. Ia juga menunjukkan bahawa terdapat kebarangkalian yang tinggi bahawa pengislaman Raja Kedah yang pertama berlaku dalam abad ke-15. Pendapat ini berdasarkan kepada persamaan yang terdapat pada ketiga-tiga sumber

pensejarahan Melayu iaitu *Al-Tarikh*, *Hikayat Merong Mahawangsa* dan *Salasilah atau Tarikh Kerajaan Kedah* yang menyatakan orang yang datang mengislamkan Raja Kedah dan orang pertama yang memainkan peranan menyebarkan Islam di negeri tersebut ialah Syeikh Abdullah dari Yaman.

Walaupun cerita pengislaman Raja Kedah yang dikaitkan dengan penghantaran *Kitab Siratul-Mustaqim* dan *Kitabul-Nikah* dari Aceh ini tidak dapat diterima sebagai fakta sejarah, ia boleh dipadankan dengan sejarah Kedah pada dekad 1630-an dan selepasnya. Sememangnya *Al-Tarikh* tidak menyebutkan hal ini. Namun begitu, boleh dikatakan pada dekad 1630-an dan 1640-an, terdapat kemungkinan bahawa kedua-dua buah kitab itu telah diketahui dan digunakan sebagai rujukan dan panduan agama Islam di Kedah. Pada ketika itu, Negeri Kedah sebenarnya berada dalam zaman pemerintahan Sultan Rijaluddin Muhammad Syah (1625-1651) yang merupakan Sultan Negeri Kedah yang ke-13. Pada zaman pemerintahan baginda, Kedah berada di bawah pengaruh kekuasaan Aceh. Ini menunjukkan bahawa perkaitan di antara kewujudan dua kitab tersebut dengan kedatangan Islam ke Kedah dan pengislaman raja Kedah yang pertama merupakan elemen anakronisme yang merujuk kepada sesuatu fakta dan peristiwa yang bersalahan masa dalam pensejarahan Melayu.³⁶

Hubungan dengan Siam

Satu lagi peristiwa besar dalam sejarah Kedah yang menjadi tumpuan dalam *Al-Tarikh* ialah hubungan Kedah dan Siam yang diperlamungkan dengan penghantaran bunga emas oleh Negeri Kedah kepada Kerajaan Siam. Perkara ini juga merupakan satu tema yang utama dalam penulisan sejarah Negeri Kedah. Menurut catatan dalam *Al-Tarikh*, tradisi penghantaran bunga emas dan bunga perak berserta hadiah iringan lain berupa senjata dan perhiasan ke Ligor telah bermula pada masa sebelum kedatangan Islam ke Kedah lagi.

Pada awalnya ia dilakukan untuk tujuan pemberian hadiah bagi meraikan hubungan persahabatan antara Kedah dan Ligor. Ini adalah untuk membalas jasa baik Raja Ligor yang telah membantu Kedah dalam peperangan dengan Raja Taning Sari (Tenasserim sebelum itu). Sudah tentu Raja Ligor begitu gembira dengan penghantaran tersebut dan telah membalasnya dengan pemberian pelbagai hadiah kepada Raja Kedah. Namun begitu, Raja Ligor telah mencadangkan kepada Raja Kedah supaya penghantaran bunga emas dan perak ini dilakukan setiap tiga tahun sekali bagi tujuan memelihara hubungan persahabatan dengan Kedah dan dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Kedah. Dicatatkan bahawa tradisi ini telah berjalan dengan baiknya setiap tiga tahun sekali.

Al-Tarikh tidak menceritakan tentang tradisi penghantaran bunga emas itu sehinggalah perihal tersebut hanya diceritakan semula pada masa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II pada tahun 1224H/1809M. Dikatakan setelah itu, penghantaran bunga emas dan perak ini telah diteruskan setiap tiga tahun sekali dan ia sebenarnya telah dicadangkan oleh Tengku Dziauddin, iaitu Sultan Dziauddin sebelum Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II menaiki takhta.³⁷ Namun begitu, adalah dikenalpasti bahawa Kerajaan Negeri Kedah sebenarnya telah menghantar bunga emas kepada Kerajaan Ayudhya pada abad ke-17 walaupun ia tidak mengikut tempoh tiga tahun sekali.³⁸ Malahan, menurut *Undang-Undang Kedah* versi Ku Din bin Ku Meh,

perkara berkenaan perintah dan penyediaan membuat bunga emas telah dilakukan pada zaman Sultan Muhammad Jiwa Zainal 'Adilin II (1710-1778M).³⁹

Persoalan berbangkit seterusnya di sini ialah adakah penghantaran bunga emas dan perak itu dianggap sebagai hadiah atau ufti? Sudah tentu tradisi penghantaran bunga emas ini dianggap sebagai ufti bagi Kerajaan Siam walaupun Negeri Kedah hanya menganggapnya sebagai hadiah. Jelas dilihat, tafsiran terhadap isu ini lebih memihak kepada ufti kerana terdapatnya unsur paksaan. Ini boleh dilihat dengan berlakunya serangan dan penaklukan ke atas Negeri Kedah oleh Raja Ligor pada tahun 1821. Salah satu sebab yang membawa kepada serangan Raja Ligor ke atas Negeri Kedah ini adalah akibat daripada kecenderungan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II untuk tidak mematuhi tradisi penghantaran bunga emas dan perak setiap tiga tahun sekali kepada pihak Siam.⁴⁰ Serangan ini telah menyebabkan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II terpaksa melarikan diri ke Pulau Pinang dan kemudiannya berpindah ke Melaka. Setelah perdamaian akhirnya tercapai, Raja Ligor bersetuju menyerahkan kembali Negeri Kedah kepada Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II.⁴¹ Lantaran itu, tradisi penghantaran bunga emas ini kemudiannya telah diteruskan sehingga Kedah diserahkan kepada pihak Inggeris pada tahun 1909.⁴²

Oleh kerana kepentingannya dalam aspek sejarah perhubungan Negeri Kedah dan Kerajaan Siam, tradisi penghantaran bunga emas dan perak ini telah diberi perhatian khusus dalam teks *Undang-Undang Kedah*. Ini dapat dilihat dalam bahagian IV dalam *Undang-Undang Kedah* versi Winstedt mengenai cara membuat bunga emas.⁴³ Undang-Undang khusus ini telah dibuat dalam tahun 1222H/1807M dalam zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II. Ia mengandungi butiran terperinci tentang pokok bunga emas yang telah dibuat untuk dipersembahkan kepada Raja Siam. Dalam teks *Undang-Undang Kedah* versi Ku Din bin Ku Meh pula, terdapat bab yang ke-28 yang menyatakan perintah tentang sumbangan dana dan penglibatan para pegawai negeri dalam proses pembuatan bunga emas. Bab ke-36 pula menerangkan tentang tatacara penghantaran surat dan bunga emas ke Siam. Malahan, seolah-olah terdapat justifikasi bahawa hadiah balasan daripada pihak Siam itu sebenarnya empat lima kali ganda lebih daripada harga bagi keseluruhan persembahan bunga emas dan perak berserta hadiah-hadiah iringan lain daripada Kedah.⁴⁴

Kenyataan tersebut menunjukkan bahawa tradisi penghantaran bunga emas ini telah berjalan baik dari tahun 1843 sehingga awal abad ke-20. Ini kerana situasi pada akhir abad ke-19 telah berubah di mana Maharaja Siam ketika itu, Raja Chulalongkorn (1868-1911) sebenarnya telah mula menyedari sistem penguasaan yang diperlambangkan dengan tradisi penghantaran bunga emas dan bunga perak sudah tidak praktikal dan tidak lagi begitu menguntungkan pihak Siam.⁴⁵ Sementara itu, Negeri Kedah juga telah mendapat manfaat daripada hubungan baik dengan Kerajaan Siam. Ia dapat dilihat apabila Kerajaan Negeri Kedah telah menghadapi masalah kewangan yang hampir-hampir menyebabkannya menjadi muflis pada tahun 1905. Hal ini berlaku kerana perbelanjaan yang berlebihan dan jumlah hutang Negeri Kedah yang meningkat tinggi ketika pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Syah (1881-1943). Al-Tarikh memaparkan siri lawatan Sultan Abdul Hamid Halim Syah ke luar negeri dari tahun 1890 hingga 1903, serta lima majlis perkahwinan diraja yang diadakan oleh baginda untuk lima putera baginda secara berasingan pada tahun 1904.⁴⁶

Namun begitu, *Al-Tarikh* tidak menyatakan tentang kemelut kewangan akibat daripada tindakan Sultan Kedah itu walaupun ia ada mencatatkan tindakan baginda menghantar Raja Muda Abdul Aziz ke Bangkok untuk mendapatkan pinjaman kewangan daripada Kerajaan Siam. *Al-Tarikh* tidak mencatatkan perihal sebenar bahawa Sultan Kedah juga telah mendapatkan hutang dari luar sehingga menimbulkan kegusaran kepada pihak Inggeris dan Siam. Setelah perundingan di antara kedua-dua pihak yang juga melibatkan pihak Inggeris, Kerajaan Siam telah bersetuju untuk memberikan pinjaman kepada Sultan Kedah bagi menyelesaikan masalah kewangan Negeri Kedah pada tahun 1905.⁴⁷

Berkenaan hal ini, *Al-Tarikh* mencatatkan bahawa jumlah pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Siam kepada Negeri Kedah adalah sebanyak 2,600,000 Ringgit. Sehubungan itu, Kerajaan Siam telah mengambil peranan lebih langsung dalam pemerintahan Negeri Kedah dengan menubuhkan satu Majlis Negeri (State Council) dan melantik seorang penasihat Inggeris di bawah wibawa kuasa Siam bagi Negeri Kedah. Keadaan inilah yang akhirnya menyebabkan Kerajaan Siam bersetuju menyerahkan Kedah kepada pihak Inggeris pada tahun 1909.⁴⁸ Dengan ini, ia bermakna kekuasaan Siam ke atas Negeri Kedah telah berakhir pada tahun tersebut dan Negeri Kedah telah menjadi negeri naungan Inggeris melalui perjanjian di antara Inggeris dan Siam pada 9 Julai 1909.⁴⁹ Selanjutnya, catatan *Al-Tarikh* diteruskan dengan zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Syah yang juga ditadbir di bawah Penasihat Inggeris.⁵⁰ Catatan ini berakhir sampai kepada perantikan T. W. Clayton sebagai penasihat pada tarikh 9 September 1926.⁵¹

Kesimpulan

Berdasarkan keseluruhan perbincangan, dapat disimpulkan bahawa masalah yang paling asas dalam penggunaan *Al-Tarikh* sebagai sumber sejarah terletak pada fakta peristiwa yang melibatkan pentarikan. Oleh yang demikian, sesuatu fakta peristiwa terutama sekali tarikh sesuatu peristiwa yang tercatat di dalamnya perlu melalui proses verifikasi yang kompleks. Ini ditambah lagi dengan permasalahan tafsiran terhadap sesuatu fakta peristiwa itu. Hal ini dapat disaksikan dalam isu pengislaman Raja Kedah sebagaimana yang tercatat dalam *Al-Tarikh* yang dicatatkan berlaku pada tahun 531H/1136M. Sebagaimana yang telah dibincangkan, fakta ini sukar diterima kerana ia tidak dapat disokong dengan proses verifikasi sama ada dengan menggunakan teks itu sendiri mahupun dengan perbandingan dengan sumber sezaman yang menerangkan persekitaran sejarah pada masa tersebut. Oleh yang demikian, tarikh yang dilihat lebih realistik bagi pengislaman Raja Kedah ialah tahun 1474 yang dipadankan daripada *Sejarah Melayu* dan sumber Aceh.

Selain itu, perkara yang perlu diberi perhatian ialah berkenaan tafsiran ke atas sesuatu peristiwa sebagaimana yang telah dibincangkan tentang tradisi penghantaran bunga emas dan perak ke Siam. Dicapitkan bahawa permulaan tradisi ini hanyalah merupakan hadiah persahabatan. Namun begitu, perkembangan sejarah seterusnya menimbulkan persoalan sama ada ia merupakan hadiah persahabatan atau ufti. Malahan, perkara ini telah disenyapkan dalam *Al-Tarikh* sehinggalah ia dibangkitkan semula pada awal abad ke-19. Persoalan *Al-Tarikh* yang masih cuba mengemukakan naratif yang menggambarkan bahawa ia merupakan hadiah dengan merujuk kepada penerusan tradisi tersebut semasa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II pada tahun 1807 boleh dianggap tidak menggambarkan realiti sebenar.

Dapat diperhatikan juga bahawa *Al-Tarikh* tidak menceritakan tentang kepayahan membuat bunga emas dan perak tersebut yang boleh memberi gambaran bahawa tradisi ini lebih merupakan paksaan. Walau bagaimanapun, butiran tentang kepayahan menyediakan bunga emas ini sebenarnya telah diperincikan dalam *Undang-Undang Kedah* versi Winstedt yang ditulis sebelum *Al-Tarikh*. Malahan, terdapat bukti yang menunjukkan tradisi penghantaran bunga emas ini sebenarnya telah dilakukan sebelum awal abad ke-19 iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa Zainal 'Adilin Syah II sebagaimana yang dapat dikesan dalam *Undang-Undang Kedah* naskhah Ku Din bin Ku Meh tetapi telah disenyapkan dalam *Al-Tarikh*.

Secara keseluruhannya, perbincangan ini adalah untuk mengutarakan penggunaan karya sastera sejarah dan undang-undang sebagai sumber sejarah khususnya sejarah Negeri Kedah. Walau bagaimanapun, perbincangan ini hanya terhad kepada isu dan fakta terpilih bagi tujuan menghubungkan kaitkan pensejarahan Melayu dengan penulisan sejarah konvensional secara konstruktif. Ini kerana kebergunaan kedua-dua karya sastera ini mempunyai nilai kesejarahannya terutama sekali untuk memperoleh maklumat tentang aspek fenomena, kepercayaan dan pemikiran yang terdapat dalam masyarakat Melayu tradisional. Dengan analisis sebegini, ia juga boleh membuka ruang kepada perbincangan yang lebih mendalam tentang penggunaan karya sastera sejarah dan undang-undang. Kajian terhadap karya-karya seumpama ini perlu juga mengambil kira naratif-naratifnya yang perlu diinterpretasikan secara logik. Ini kerana fakta-fakta yang terdapat dalam naratif-naratif tersebut tidak semestinya boleh diterima secara terus langsung. Dengan interpretasi, akan wujud pendapat-pendapat dan hujah-hujah yang berbeza. Namun, kepentingan nilai sejarah adalah tetap bermula dengan fakta-fakta dan peristiwa-peristiwa yang terjadi pada masa lalu. Permasalahan inilah yang menjadikan kajian kesejarahan ke atas manuskrip sastera sejarah Melayu tradisional memerlukan proses verifikasi yang kompleks.

Penghargaan:

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Yayasan Karyawan kerana telah memberi peluang untuk menjalankan penyelidikan sehingga terhasilnya penulisan ini.

Biodata penulis:

A Rahman Tang Abdullah (art@ums.edu.my) adalah Profesor Madya di Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah. Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Sastera Pengajian Asia Tenggara dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD.) dalam bidang sejarah dari School of Oriental and African Studies, University of London. Bidang pengkhususan beliau meliputi Sejarah Malaysia dan Asia Tenggara serta Historiografi Melayu

Nota

- ¹ Muhammad Yusoff Hashim, *Persejarahan Melayu Nusantara: Kajian Mengenai Sumber, Penghayatan, Masalah dan Tafsiran Naskhah-naskhah Terpilih Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Teks Publishing Sdn. Bhd., 1986, bab 9, 13, 17.
- ² R. O. Winstedt, "Kedah Laws", *JMBRAS*, Vol. 6, No. 2 (103), June, 1928, hlm. 1-44; R. O. Winstedt, "Notes on the History of Kedah", *JMBRAS*, Vol. XIV, No. 3 (126), Disember, 1936, hlm. 155-189.
- ³ Jelani Harun, "Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah: A Malay World Literary Heritage", *Malay Literature*, 32(2), 2019, hlm. 165-184.
- ⁴ Nor Atiqah binti Sukri, "Sejarah Bunga Emas dan Kedatangan Islam ke Kedah: Kajian Perbandingan Terhadap At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah dan Hikayat Merong Mahawangsa", *MANU Bil.* 33 (2), 2022, hlm. 21-44.
- ⁵ Richard J. Evans, *In Defense of History*, New York: W. W. Norton, 1999, hlm. 67; Ludmilla Jordanova, *History in Practice*, (Second Edition) London: Hodder Education, 2006, hlm. 26; Georg Iggers dan Q. Edward Wang, *A Global History of Modern Historiography*, London dan New York: Routledge, 2013, hlm.140-141.
- ⁶ John Tosh, *The Pursuit of History: Aims, Methods and New Directions in The Study of modern history*, Revised Third Edition, London: Pearson Education Limited, 2002, hlm. 96.
- ⁷ Khoo Kay Kim, *Malay Society: Transformation and Democratisation*, Petaling Jaya: Pelanduk Publication, 1991, hlm. 6-14.
- ⁸ L. Y. Andaya, *The Kingdom of Johor: 1641-1728*, East Asian Historical Monographs, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 186-91.
- ⁹ Pemerintahan Sultan Mudzafar Shah I yang bermula pada tahun 1136 ini sebenarnya merupakan tahun baginda memeluk agama Islam. Nama baginda sebelum memeluk agama Islam ialah Maharaja Derbar Raja II. Lihat Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Mohd. Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Naskhah Jawi asal 1927, (Naskhah Transliterasi oleh Mohd. Zahid Mohd. Shah dan di-semak dan di-teliti oleh Yang Berbahagia Dato' Wan Ibrahim bin Wan Soloh, D.P.M.K., B.C.K., J.P. (Dato' Seri Amar Diraja), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 1968, hlm. 26-7. Ia seterusnya akan dirujuk sebagai *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*.
- ¹⁰ Sultan Abdul Halim Muadzam Shah yang merupakan Sultan Kedah ke-28 juga memakai nama gelaran rasmi Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah selaku Sultan pertama dipilih sebagai DYMM Yang di-Pertuan Agong sebanyak dua kali, iaitu pada 1970-1975 dan 2011-2016.
- ¹¹ Lihat bahagian muqaddimah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm. 1.
- ¹² Ibid., hlm. 5-25.
- ¹³ Ibid., hlm. 100-113.
- ¹⁴ "Salasilah Duli-duli Yang Maha Mulia" Hak Cipta Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah. 2003. Diarkibkan daripada yang asal pada 2014-09-02. https://web.archive.org/web/20140902082124/http://www.mykedah2.com/raja_kita/bm/040000.htm [1 April 2025]
- ¹⁵ *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm. 135-9.
- ¹⁶ Ibid., hlm. 140.
- ¹⁷ Kobkua Suwannathat-Pian, "Thrones, Claimants, Rulers and Rules: The Problem of Succession in the Malay Sultanates", *JMBRAS*, Vol. 66, No. 2 (265), 1993, hlm. 10.
- ¹⁸ J. M. Gullick, *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, London: the Athlone Press, 1958, hlm. 45-6; Florence Caddy, *To Siam and Malaya in the Duke of Sutherland's Yacht*, London & New York: Oxford University Press, 1992, hlm. 275; A Rahman Tang Abdullah, "From Temenggong to Sultan: Abu Bakar and the Question of Legitimacy in the Malay Tradition", dalam A Rahman Tang Abdullah (ed.), *Tradition, Modernity and Islam: Revisiting History Across the Regions in the Nineteenth and Twentieth Centuries*, Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press, 2011, hlm. 1-35.
- ¹⁹ J. de V. Allen, A. J., Stockwell, dan L. R. Wright, (eds.), *A Collection of treaties and other documents affecting the States of Malaysia, 1761-1963*, hlm. 137-9.
- ²⁰ *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm. 3.
- ²¹ Anthony Milner, *Kerajaan, Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*, Tucson: University of Arizona Press, Association of Asian Studies Monograph, 1982, hlm. 1-2.
- ²² Muhammad Yusoff Hashim, *Persejarahan Melayu Nusantara*, hlm. 327, 359.

- ²³ G. Coeds, *The Indianized States of Southeast Asia*, Canberra: Australian National University Press, 1975, hlm. 28, 39-40, 50.
- ²⁴ Abdul Manaf bin Saad (ed.), *Lembah Bujang Entrepôt Kedah Terbilang*, Alor Setar: Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Kedah. 1980.
- ²⁵ *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm. 6-7.
- ²⁶ Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, Houndmills, Basingstoke, Hampshire: MacMillan Education Ltd., edisi 1991, hlm. 21-22; D. G. E. Hall, *A History of South-East Asia*, edisi ke-4, London: MacMillan, 1981, hlm. 30.
- ²⁷ Wan Yahya, *Salasilah atau Tarikh Kerajaan Kedah*, Alor Setar: 1911, hlm. 2.
- ²⁸ *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm. 26.
- ²⁹ Shellabear, *Sejarah Melayu*, hlm. 246; R. O. Winstedt, "Notes on the History of Kedah", *JMBRAS*, Vol. XIV, No.3 (126), Disember, 1936, hlm. 156.
- ³⁰ *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm. 21-4, 26.
- ³¹ Patit Paban Mishra, *The History of Thailand*, Santa Barbara: ABC-CLIO, 2010, hlm. 38-66, hlm. 38-66.
- ³² Kobkua Suwannathat-Pian, *Thai-Malay Relations*, hlm. 5.
- ³³ Untuk meneliti berkenaan cerita pengislaman Raja Kedah yang pertama ini secara terperinci, lihat Siti Hawa Salleh (penyelenggara), *Hikayat Merong Mahawangsa*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya, 1998, hlm. 81-113.
- ³⁴ Wan Yahya, *Salasilah atau Tarikh Kerajaan Kedah*, hlm. 3.
- ³⁵ ANM 2007/0002643, Manuskrip *Undang-Undang Kedah Ku Din bin Ku Meh*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, hlm. 195. (mikrofilem). Selepas ini disebut sebagai *Undang-Undang Kedah Ku Din bin Ku Meh* sahaja.
- ³⁶ Muhammad Yusoff Hashim, *Persejarahan Melayu Nusantara*, bab 3.
- ³⁷ *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm. 21-4, 139.
- ³⁸ Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, hlm. 66.
- ³⁹ *Undang-Undang Kedah Ku Din bin Ku Meh*, hlm. 94.
- ⁴⁰ R. Bonney, *Kedah 1771-1821*, hlm. 118-25.
- ⁴¹ *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm. 157-73.
- ⁴² Kobkua Suwannathat-Pian, *Thai-Malay Relations*, hlm. 108-9.
- ⁴³ Mariyam Salim, *Undang-undang Kedah*, hlm. 27-43.
- ⁴⁴ *Undang-Undang Kedah Ku Din bin Ku Meh*, hlm. 94-6, 117-21.
- ⁴⁵ Kobkua Suwannathat-Pian, *Thai-Malay Relations*, hlm. 102-4.
- ⁴⁶ *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm. 239-50.
- ⁴⁷ Shahrom Ahmad, *Tradition and Change in a Malay State: A Study of an Economic and Political Development of Kedah*, hlm. 72-4.
- ⁴⁸ *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm. 251-64.
- ⁴⁹ Allen, Stockwell dan Wright, *A Collection of treaties and other documents affecting the States of Malaysia, 1761-1963*, Volume I, hlm. 164-6.
- ⁵⁰ R. Emerson, *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press (UMP), 1964, hlm. 235-45; J. M. Gullick, *Rulers and Residents: Influence and Power in The Malay States 1870-1920*, Singapore: Oxford University Press (OUP), 1992, hlm. 136-75.
- ⁵¹ *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm. 418.

Rujukan

A Rahman Tang Abdullah, "From Temenggong to Sultan: Abu Bakar and the Question of Legitimacy in the Malay Tradition", dalam A Rahman Tang Abdullah (ed.), *Tradition, Modernity and Islam: Revisiting History Across the Regions in the Nineteenth and Twentieth Centuries*, Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press, 2011, hlm. 1-35.

- Abdul Manaf bin Saad (ed.), *Lembah Bujang Entrepôt Kedah Terbilang*, Alor Setar: Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Kedah, 1980.
- Allen, J. de V., Stockwell, A. J., dan Wright, L. R. (eds.), *A Collection of treaties and other documents affecting the States of Malaysia, 1761-1963, Volume I*, London, Rome, dan New York: Oceana Publications, Inc., 1981.
- Andaya, L. Y., *The Kingdom of Johor: 1641-1728*, East Asian Historical Monographs, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975.
- Andaya, B. W. dan Andaya, L. Y., *A History of Malaysia*, Houndmills, Basingstoke, Hampshire: MacMillan Education Ltd., 1991.
- Bonney, R., *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974.
- Caddy, F., *To Siam and Malaya in the Duke of Sutherland's Yacht*, London & New York: Oxford University Press, 1992.
- Coeds, G., *The Indianized States of Southeast Asia*, Canberra: Australian National University Press, 1975.
- Emerson, R., *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press (UMP), 1964.
- Evans, R. J., *In Defense of History*, New York: W. W. Norton, 1999.
- Gullick, J. M., *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, London: the Athlone Press, 1958.
- Gullick, J. M., *Rulers and Residents: Influence and Power in The Malay States 1870-1920*, Singapore: Oxford University Press (OUP), 1992.
- Haji Ibrahim Ismail, *Sejarah Kedah Sepintas Lahu*, Sintok: Jawatankuasa Penerbitan Universiti Utara Malaysia, 1987.
- Hall, D. G. E., *A History of South-East Asia*, edisi ke-4, London: MacMillan, 1981.
- Hussain Baba bin Muhammad, "Sejarah Negeri dan Raja-raja Perlis," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, Vol. 42, (2), 73-96, 1969.
- Khoo Kay Kim, *Malay Society: Transformation and Democratisation*, Petaling Jaya: Pelanduk Publication, 1991.
- Kobkua Suwannathat-Pian, *Thai-Malay Relations: Traditional Intra-regional Relations from the Seventeenth to the Early Twentieth Centuries*, East Asian Historical Monographs, Singapore: Oxford University Press, 1988.

- Kobkua Suwannathat-Pian, "Thrones, Claimants, Rulers and Rules: The Problem of Succession in the Malay Sultanates," *JMBRAS*, Vol. 66, No. 2 (265), 1-27, 1993.
- Liaw Yock Fang, *Undang-Undang Melaka, The Laws of Melaka*, Leiden: Bibliotheca Indonesica, Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde (Royal Institute of Linguistics and Anthropology), 13, The Hague-Martinus Nijhoff, 1976.
- Maryam Salim (Penyelenggara), *Undang-undang Kedah*, Kuala Lumpur: DBP, 2005.
- Milner, A., *Kerajaan, Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*, Tucson: University of Arizona Press, Association of Asian Studies Monograph, 1982.
- Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Mohd. Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Naskhah Jawi asal 1927, Kuala Lumpur: DBP, 1968.
- Muhammad Yusoff Hashim, *Persejarahan Melayu Nusantara: Kajian Mengenai Sumber, Penghayatan, Masalah dan Tafsiran Naskhah-naskhah Terpilih Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Teks Publishing Sdn. Bhd., 1986.
- Patit Paban Mishra, *The History of Thailand*, Santa Barbara: ABC-CLIO, 2010.
- Pearson, M., "Islamic trade, shipping, port-states and merchant communities in the Indian Ocean, seventh to sixteenth centuries", dalam David O. Morgan dan Anthony Reid (eds.), *The New Cambridge of Islam, Vol. 3, The Eastern Islamic World Eleventh to Eighteenth Centuries*, Cambridge: Cambridge University Press, 2011. hlm. 315-365.
- Robert J. C. Young, *Empire, Colony, Postcolony*, Chichester, West Sussex: John Wiley and Son, 2015, hlm. 7-26.
- "Salasilah Duli-duli Yang Maha Mulia", Hak Cipta Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah. 2003. Diarkibkan daripada yang asal pada 2014-09-02.
https://web.archive.org/web/20140902082124/http://www.mykedah2.com/raja_kita/bm/040000.htm
[4 April 2022]
- Shahrom Ahmad, *Tradition and Change in a Malay State: A Study of an Economic and Political Development of Kedah, 1878-1923*, Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS), Monograph No. 12, 1984.
- Shellabear, W. G. (penyelenggara), *Sejarah Melayu (The Malay Annals)*, Singapura: Malayan Publishing House, 1961.
- Siti Hawa Salleh (penyelenggara), *Hikayat Merong Mahawangsa*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya, 1998.

Undang-Undang Kedah, Naskhah Ku Din bin Ku Meh, Koleksi Kedah, KK 349.595112 NAS,
Perbadanan Perpustakaan Negeri Kedah, Alor Setar, Kedah Darul-Aman, 1893,

Winstedt, R. O., "Kedah Laws," *JMBRAS*, Vol. 6, No. 2 (103), 1928, 1-44.

Winstedt, R. O., "Notes on the History of Kedah," *JMBRAS*, Vol. XIV, No. 3 (126), 1936, 155-189.